

MPP UMS-KAL disaran jalin hubungan baik dengan pentadbir

BH 29.09.2012 17

Labuan: Pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sesi 2012/2013 diharap menjalinkan kerjasama erat dengan pengurusan universiti itu demi kepentingan 2,000 pelajar.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata kepemimpinan baru yang menang dalam pemilihan MPP baru-baru ini, boleh mengadakan perbincangan dengan pengurusan kanan universiti bagi menyelesaikan sebarang masalah dihadapi pelajar.

“Kepemimpinan MPP perlu menjalinkan hubungan baik dengan pengurusan kanan universiti agar sebarang masalah dapat ditangani sebaik mungkin melalui perbincangan dan perundingan yang akhirnya memberi manfaat kepada pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengumumkan keputusan pemilihan MPP di ruang legar Bangunan Menara UMS-KAL, petang kelmarin. Hadir sama, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan.

Dr Ismail berkata, hubungan dua hala yang baik sangat diperlukan sejajar hasrat Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu pelajar diutamakan terutama dalam menyediakan pelbagai kemudahan pembangunan, infrastruktur dan fizikal.

Dalam pengundian pemilihan MPP UMS-KAL, seramai 1,751 atau 83.5 peratus pelajar mengundi daripada 2,097 keseluruhan pelajar yang layak dengan 1,721 undi sah manakala 29 atau 1.66 peratus undi rosak.

Bebas gangguan

Tiada kejadian tidak diingini dilaporkan sepanjang proses pengundian.

Proses pengundian secara e-undi dijalankan di Dewan Theatre dari jam 8 pagi hingga 5 petang dikendalikan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI).

Pelajar Tahun Tiga, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Al Mughni Shah Jabran Aida Ros memenangi kerusi Umum selepas mendapat 970 undi manakala pelajar Tahun Dua SPKAL, Md Najib Rubin memperoleh undi kedua terbanyak iaitu 898 undi.

Md Najib kemudian dipilih sebagai Naib Presiden MPP KAL manakala Al Mughni sebagai Bendahari MPP KAL bagi sesi 2012/2013.

Pelajar Tahun Tiga, Keliana Jaflan mendapat undi terbanyak bagi kerusi SPKAL dengan 719 undi, manakala pelajar Tahun Dua, Mohd Aznil Ashikin Suhaili memperolehi 548 undi.

Keliana dipilih sebagai Exco Jabatan Perkhidmatan Pelajar manakala Mohd Aznil sebagai Exco Jabatan Kepimpinan dan Latihan.

Kerusi Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) pula dimenangi pelajar Tahun Dua, Lim Yao Li yang mendapat 249 undi bersama pemenang kedua, Yong Yoong Shin (200) dan seorang lagi calon, Muhammad Mateen Mohd Sabri (193).